

REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL
LATIHAN KEMAHIRAN LITERASI MAKLUMAT
UNTUK
GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA
BERASASKAN MODEL *THE BIG6*

OLEH:

NORHAYATI BT. RAZALI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
APRIL 2009

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Illahi kerana memberi ruang untuk saya melengkapkan tesis ini. Di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam merealisasikan tesis ini hingga menjadi kenyataan. Penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr Azilah Ngah dan Dr Mona Masood yang menjadi pendorong utama dan sentiasa toleran dengan kekangan masa saya sehingga berjaya akhirnya. Penghargaan juga kepada semua Pegawai Teknologi Pendidikan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Pulau Pinang terutama Hj. Hassan Ahmad, Salim Shariff, Osman Ahmad, Tengku Zakaria, Mohd. Mahazir Yahaya, Rosli Ishak, Mohd Zubir Md. Zain, Jura Hj. Hamid, Saadan Hassan, Roswadi Yusof, Mior Darul Ridzuan dan ramai lagi serta tidak lupa kepada semua Guru Perpustakaan dan Media yang menjadi Juru Latih Utama Literasi Maklumat – Zulhisham Abdul Rahman, Mazlina Ahmad, dan Norliza Abdul Kadir. Semoga usaha dan murni ini mendapat keredaan Allah dan menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan pendidikan di negara ini. Tidak lupa kepada suami Rosli b. Yaacob, anak-anak Along Muhammad Syukri, Kak Yong Nurliyana, Abang Chik Muhammad Zulfahmi dan Nurul Nabilah serta ibu tercinta, Hjh Samsiah yang tidak jemu-jemu memberikan dorongan sehingga berjaya menyempurnakan cita-cita ini. Tidak ketinggalan akhir sekali seluruh penghargaan saya kepada semua staf BTPN Pulau Pinang, rakan-rakan serta mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kepada penyelidikan ini dari mula hingga dibukukan.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan.....	ii
Kandungan	iii
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	ix
Abstrak	x
Absract	xi

BAB1 - PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Tujuan Kajian.....	7
1.4 Kepentingan Kajian.....	9
1.5 Persoalan Kajian.....	9
1.6 Batasan Kajian	11
1.7 Kerangka Konseptual Kajian.....	11
1.8 Definisi istilah.....	13
1.9 Rumusan	15

BAB 2 - SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan	17
2.2 Literasi Maklumat	17
2.3 Sejarah Literasi Maklumat	19
2.4 Definisi Literasi Maklumat.....	23
2.5 Model-model Literasi Maklumat.....	25

2.6	Model <i>The Big6</i>	27
2.6.1	Definisi Tugas (<i>Task Definition</i>).....	29
2.6.2	Strategi Mencari Maklumat.....	29
	<i>(Information Seeking Strategies)</i>	
2.6.3	Lokasi dan Akses (<i>Location and Access</i>).....	29
2.6.4	Guna Maklumat (<i>Use of Information</i>).....	30
2.6.5	Sintesis (<i>Synthesis</i>).....	30
2.6.6	Penilaian (<i>Evaluation</i>).....	30
2.7	Bidang Reka Bentuk Pengajaran	31
2.7.1	Penggunaan Model dalam Mereka Bentuk Pengajaran.....	33
2.7.2	Model Reka bentuk Morrison, Ross & Kemp (2004).....	34
2.7.3	Model <i>Rapid Prototyping</i>	36
2.8	Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan.....	38
2.8.1	Model Reka Bentuk dan Pembangunan Modul Kemahiran.....	41
	Literasi Maklumat	
2.8.2	Pembinaan bahan modul berasaskan <i>The Big6</i>	45
2.8.3	Penilaian Iteratif berasaskan latihan berterusan.....	45
2.8.4	Penghasilan berasaskan model <i>The Big6</i>	45
2.10	Rumusan.....	45

BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	46
3.2	Peserta Kajian.....	47
3.3	Kaedah Pengutipan Data.....	47
3.3.1	Borang soal-selidik.....	48

3.3.2	Refleksi Peserta.....	48
3.3.3	Laporan Penilaian.....	49
3.3.4	Pencerapan.....	49
3.3.5	Temuduga.....	49
3.4	Analisis Data.....	50
3.4.1	Soal Selidik	50
3.5	Prosedur Kajian.....	51
3.5.1	Analisis: Fasa 1.....	51
	(a) Mengenal pasti masalah.....	52
	(b) Mendapatkan ciri-ciri pengguna.....	52
	(c) Menetapkan Matlamat.....	52
	(d) Analisis Tugas.....	53
3.5.2	Reka Bentuk dan Pembangunan Bahan: Fasa 2	
	- Penghasilan Prototaip Modul Versi Beta.....	55
	(a) Penyusunan Pengajaran.....	55
	(b) Pembinaan strategi pengajaran.....	56
	(c) Penyampaian mesej.....	59
	(d) Penyediaan alat penilaian.....	61
	(e) Pemilihan sumber sokongan.....	61
	(f) Pembangunan Prototaip Modul Versi Beta.....	62
	(g) Penilaian Prototaip Modul Versi Beta.....	62
3.5.3	Reka Bentuk dan Pembangunan: Fasa 3	
	- Penghasilan Protoip Modul Versi 1.....	64
	(a) Pemurnian Prototaip Modul Versi Beta.....	64
	(b) Penghasilan Prototaip Modul Versi 1.....	69

3.5.4 Reka Bentuk dan Pembangunan: Fasa 4

- Penghasilan Modul Versi 2.....	69
(a) Penghasilan Prototaip Modul Versi 2.....	71
(b) Penilaian Prototaip Modul Versi 2.....	74
(c) Pemurniaan Prototaip Modul Versi 2.....	74
3.6 Rumusan.....	77

BAB 4 – DAPATAN

4.1 Pengenalan.....	78
4.2 Dapatan daripada Modul Versi Beta hingga 3.....	79
4.3 Dapatan.....	80
4.3.1 Aspek model reka bentuk dan pembangunan.....	82
4.3.2 Aspek kandungan modul berasaskan <i>The Big6</i>	82
4.3.3 Aspek proses latihan Kemahiran Literasi Maklumat.....	86
4.4 Rumusan.....	94

BAB 5 – PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan.....	95
5.2 Latar Belakang dan Pernyataan Masalah.....	95
5.3 Tujuan Kajian.....	96
5.4 Perbincangan	96
5.4.1 Aspek model reka bentuk dan pembangunan.....	96
5.4.2 Aspek kandungan modul berasaskan <i>The Big6</i>	99
5.4.3 Aspek proses latihan Kemahiran Literasi Maklumat.....	101
5.5 Cadangan	103

5.6 Rumusan.....	105
RUJUKAN	106
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

muka surat

Jadual 1.1	Dapatan Kajian Amalan Semasa Literasi Maklumat Sekolah-sekolah di Malaysia. (Sumber: Bahagian Teknologi Pendidikan Malaysia)	3
Jadual 2.1	Ciri-ciri Model Kajian Morrison, Ross & Kemp (2004) dan Model Rapid Prototyping Tripp & Bichelmeyer (1990)	42
Jadual 3.1	Strategi Pengajaran dan Penyampaian Mesej bagi Kemahiran Literasi Maklumat dan Model <i>The Big6</i>	58
Jadual 3.2	Penyampaian mesej bagi prototaip modul	60
Jadual 3.3	Dapatan Penilaian Refleksi	63
Jadual 3.4	Dapatan Penilaian Modul Versi Beta	65
Jadual 3.5	Penambahbaikan Prototaip Versi Beta	66
Jadual 3.6	Strategi Pengajaran dan Penyampaian Mesej bagi Kemahiran Literasi Maklumat dan Model <i>The Big6</i>	68
Jadual 3.7	Kemahiran dan penambahbaikan Modul Versi 1	70
Jadual 3.8	Penilaian dan Penambahbaikan Modul Versi 1	72
Jadual 4.1	Penambahbaikan yang dilakukan hasil daripada prototaip Modul Versi Beta hingga 3	78
Jadual 5.1	Perubahan dan penambahbaikan yang telah dilakukan terhadap versi Beta hingga versi 3	97

SENARAI RAJAH

muka surat

Rajah 1.1	Kerangka konseptual Modul Latihan Kemahiran Literasi Maklumat Berasaskan Model <i>The Big6</i>	12
Rajah 2.1	Domain Teknologi Pengajaran Seels & Richey (1994)	32
Rajah 2.2	Model Morrison, Ross & Kemp (2004)	34
Rajah 2.3	Gabungan Model Reka Bentuk Morrison, Ross dan Kemp (2000) Dan Model Rapid Prototyping Trip & Bichelmeyer (1990) untuk Modul Latihan Kemahiran Literasi Maklumat Berasaskan Model <i>The Big6</i>	44
Rajah 3.1	Analisis Tugas untuk Modul Kemahiran Literasi Maklumat	54
Rajah 3.2	Analisis Tugas yang telah diubahsuai daripada Versi Beta	67
Rajah 3.3	Carta alir pelaksanaan kajian	75
Rajah 4.1	Tahap kefahaman guru terhadap konsep Literasi Maklumat	81
Rajah 4.2	Konsep <i>The Big6</i>	83
Rajah 4.3	Modul Kemahiran Literasi Maklumat	85

**REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN KEMAHIRAN
LITERASI MAKLUMAT UNTUK GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA
BERASASKAN MODEL *THE BIG6***

ABSTRAK

Literasi Maklumat adalah proses yang memerlukan seseorang untuk menentu, mencari, mengguna dan menilai maklumat secara berkesan. Kajian kualitatif ini melihat kepada reka bentuk dan pembangunan modul latihan kemahiran Literasi Maklumat untuk Guru Perpustakaan dan Media di negeri Pulau Pinang. Perkara ini bertujuan memberi pendedahan dan latihan mengenai Literasi Maklumat dan menggunakan kemahiran yang ada bagi meningkatkan penggunaan inisiatif ICT yang telah dibekalkan ke semua sekolah oleh Kementerian Pelajaran Malaysia supaya pembaziran tidak berlaku. Latihan awal melibatkan 20 orang Guru Perpustakaan dan Media berasaskan model *The Big6* oleh Eisenberg dan Berkowitz (1988). Pembangunan modul ini berpandukan kepada model Morrison, Ross dan Kemp (2004) dan model Rapid Prototyping oleh Tripp dan Bichelmeyer (1990), dijalankan secara iteratif iaitu pemurnian dan penambahbaikan dilakukan terhadap empat versi prototaip dan penilaian versi ketiga menjadi kajian sebenar kepada 20 orang Guru Perpustakaan dan Media. Kutipan data adalah berdasarkan temubual, refleksi peserta, pencerapan dan soal selidik modul tersebut. Keseluruhannya didapati Guru Perpustakaan dan Media bersetuju dengan modul ini tetapi beberapa kekangan seperti kewangan, kerjasama guru mata pelajaran lain dan latihan berterusan perlu diberi perhatian bagi meningkatkan keberkesanan modul ini.

DESIGNING AND DEVELOPING INFORMATION LITERACY TRAINING MODULE FOR TEACHER LIBRARIAN BASED ON *THE BIG6* MODEL

ABSTRACT

Information Literacy (IL) is a process that requires learners to find, determine and evaluate, and use information effectively. This qualitative research focuses on the design and development of a training module on IL for Teacher Librarian in Penang. The aim was to give exposure and training regarding IL and use the IL skills to enhance the ICT initiative supplied by the Ministry of Education to all schools in order to avoid wastage. Preliminary training on 20 Teacher Librarians was based on *The Big6* model by Eisenberg and Berkowitz (1988). The development of this module was based on the Morrison, Ross and Kemp (2004) model and the Rapid Prototyping model by Tripp and Bichelmeyer (1990). The module was conducted iteratively with constant revision and enhancement of four prototypes, with the third version being the actual research conducted on another group of 20 Teacher Librarian. The final module was the third version. Data were collected through interviews, participant's reflection, observation and questionnaires from the module. Overall, Teacher Librarians agreed with this final module. However, some constraints such as financial and teachers' cooperation need to be considered for continuous training in order to increase the effectiveness of this module.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Koridor Raya Multimedia (MSC) telah memberi banyak impak kepada perkembangan penggunaan teknologi dalam dunia pendidikan di Malaysia. Kerajaan telah menyediakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang canggih di sekolah-sekolah demi menyempurnakan hasrat untuk melahirkan masyarakat celik ICT serta mewujudkan pekerja berpengetahuan dalam *k-economy*. Perbelanjaan jutaan ringgit untuk beberapa projek seperti Projek Sekolah Bestari dan Projek Pengajaran dan Pembelajaran Sains Matematik dalam Bahasa Inggeris (EteMS) telah memastikan infrastruktur yang canggih di sekolah-sekolah di Malaysia. Infrastruktur yang disediakan seperti persediaan makmal komputer, persediaan sukatan pelajaran dan perisian pendidikan merupakan sebahagian daripada input yang bertujuan untuk menjadikan warga sekolah celik ICT.

Namun begitu transisi ke arah era maklumat demi mencapai matlamat mewujudkan pekerja berpengetahuan dalam *k-economy* ini perlu mengambil kira beberapa isu dan kriteria yang harus diselesaikan sebelum masyarakat Malaysia dapat menuju ke arah tersebut. Kewujudan infrastruktur ICT di sekolah tidak bermakna warga sekolah akan menggunakannya. Namun, kemahiran mencari maklumat perlu ada dalam kalangan warga sekolah. Kemahiran mencari maklumat adalah sebahagian daripada kemahiran Literasi Maklumat yang merangkumi kemahiran perpustakaan, kemahiran membaca, kemahiran berfikir kritis dan kreatif, kemahiran ICT, kemahiran belajar dan kemahiran komunikasi. Rangkuman kesemua pengetahuan dan kemahiran tersebut akan menjadikan seseorang murid itu berliterasi maklumat.

Literasi Maklumat adalah suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan, dan merangkumi kebolehan mencari dan memperoleh maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif. Ia juga boleh didefinisikan sebagai keupayaan untuk mengakses dan menilai maklumat bagi membantu membuat pemilihan dan penyelesaian masalah secara efektif. Doyle (1992) mendefinisikan Literasi Maklumat sebagai satu kebolehan untuk mengakses, menilai dan menggunakan maklumat dari pelbagai sumber. Bahagian Teknologi Pendidikan (2002) pula mendefinisikan Literasi Maklumat sebagai “keupayaan untuk mengakses dan menilai maklumat bagi membuat pemilihan dan menyelesaikan permasalahan secara efektif ” (m.s. 275). *American Library Association* (1989) pula menyatakan seseorang yang berliterasi maklumat adalah seorang yang boleh mengenal pasti bila maklumat diperlukan dan mempunyai kebolehan untuk menentu, menilai dan mengguna secara berkesan maklumat yang diperlukan.

Bagi sekolah-sekolah di Malaysia, Pusat Sumber Sekolah adalah tempat pencarian maklumat yang utama sama ada melalui Internet atau bahan cetakan. Kebiasaannya guru-guru Pusat Sumber diberikan latihan dalam bentuk kursus dan bengkel pengurusan Pusat Sumber Sekolah seperti Pengurusan dan Pentadbiran Pusat Sumber, Proses Teknik Bahan, Pengkatalogan, Kewangan, Aktiviti Galak Guna Pusat Sumber dan sebagainya. Di samping itu juga guru-guru pusat sumber diberi pendedahan dan latihan asas ICT dan Teknologi Pendidikan. Kemahiran dalam Literasi Maklumat didedahkan secara tidak langsung dan merupakan hanya sebahagian daripada kursus-kursus tersebut dan merangkumi kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan, dan mencari dan memperoleh maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif.

1.2 Pernyataan Masalah

Pada tahun 2005, di bawah pembiayaan UNESCO, Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjalankan satu kajian mengenai Amalan Literasi Maklumat di sekolah-sekolah di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan tentang konsep Literasi Maklumat adalah baik, iaitu 87.6% Pengetua / Guru Besar mempunyai pengetahuan tentang Konsep Literasi Maklumat, 76.2% Guru Perpustakaan dan Media (GPM) serta 84.1% guru mata pelajaran tahu tentang Literasi Maklumat. Dalam kalangan GPM pula, hanya 42.8% mendapat pendedahan dan latihan mengenai Literasi Maklumat dan 43.8% guru terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan Program Literasi Maklumat. Sungguhpun begitu, dari sudut rujukan dokumentasi seperti modul, buku rujukan dan buku panduan, peratus yang rendah dikesan daripada Pengetua / Guru Besar, GPM dan guru mata pelajaran yang menggunakan buku tersebut sebagai bahan rujukan Literasi Maklumat. Kesimpulannya, walaupun kebanyakan guru tahu tentang konsep Literasi Maklumat tetapi masih perlu diberikan latihan dan pendedahan tentang konsep Literasi Maklumat itu sendiri. Jadual 1 menunjukkan maklumat dapatan kajian tersebut.

Jadual 1.1

Dapatan Kajian Amalan Semasa Literasi Maklumat Sekolah-sekolah di Malaysia. (Sumber: Bahagian Teknologi Pendidikan Malaysia)

Perkara	Pengetua / Guru Besar	Guru Perpustakaan dan Media	Guru mata pelajaran
Pengetahuan tentang Literasi Maklumat	87.6%	76.2%	84.1%
Pendedahan dan Latihan Literasi Maklumat	42.8%	40.8%	43.8%
Rujukan Dokumentasi (modul)	4.8%	9.3%	5%

Kesimpulan daripada kajian tersebut didapati memang terdapat pengetahuan mengenai Literasi maklumat, namun dari sudut latihan dan pelaksanaan masih lagi di tahap yang agak rendah. Dapatan ini mempunyai banyak persamaan dengan pengalaman yang dialami penyelidik sebagai guru penyelar Pusat Sumber Sekolah (PSS) selama 10 tahun di samping terlibat dalam Program Bina Minda Kemahiran Maklumat. Program Bina Minda Kemahiran Maklumat adalah lanjutan daripada Program Lima Tahun BTP yang merangkumi Gerakan Membaca, Kemahiran Maklumat, Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif dan Literasi Maklumat. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada guru dan pelajar tentang Kemahiran Maklumat (anatomi buku, kemahiran membaca, indeks, glosari, ensiklopedia dsb). Setiap satu program dijalankan selama 1 hingga 2 tahun. Sekolah-sekolah rintis dipilih untuk melaksanakan program ini. Guru-guru juga diberi pendedahan kaedah melaksanakan program ini di sekolah. Namun begitu, program ini berakhir sehingga Program Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif. Program Literasi Maklumat masih berjalan tetapi tidak serancak program-program sebelumnya.

Sehubungan dengan itu penyelidik telah membuat satu kajian ke atas 50 orang Guru Penyelar Pusat Sumber Sekolah di Pulau Pinang bertujuan melihat tahap kefahaman dan amalan Guru Penyelar Pusat Sumber (kini GPM) terhadap Literasi Maklumat. Dapatan kajian ini adalah sama dengan kajian oleh BTP, iaitu walaupun kebanyakan guru tahu tentang konsep Literasi Maklumat, pendedahan kursus dan bengkel adalah rendah dan Program Literasi Maklumat tidak dilaksanakan sepenuhnya di sekolah. Dapatan kajian ini menunjukkan pemahaman tentang konsep Literasi Maklumat adalah baik, iaitu 88% (44 orang) guru mempunyai pengetahuan tentang Konsep Literasi Maklumat. Sungguhpun begitu, hanya separuh atau 50% (25 orang) guru mendapat pendedahan dan latihan mengenai Literasi Maklumat. Peratus yang rendah, 12% (6 orang) merujuk dokumen seperti surat pekeliling, huraian sukatan dan

buku panduan sebagai bahan rujukan. Manakala 24% (48 orang) mengakui Literasi Maklumat dilaksanakan di sekolah mengikut keperluan.

Berkaitan hal ini, bermula tahun 2005, satu jawatan GPM di sekolah telah digazet melalui Pekeliling Ikhtisas Bil 5/ 2005. Bagi menjawat jawatan ini, kriteria pemilihan dan pelantikan GPM memerlukan pengalaman mengajar selama sekurang-kurangnya tiga tahun, disahkan dalam jawatan dan mempunyai Diploma, Ijazah atau Sarjana dalam pelbagai bidang seperti Teknologi Maklumat, Teknologi Pendidikan, Sains Perpustakaan, atau mempunyai pengalaman sebagai guru Pusat Sumber Sekolah. Guru Pusat Sumber Sekolah hanya diperlukan mengikut kursus Pengurusan Pusat Sumber Sekolah Peringkat Asas anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (PSPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG). Lantikan untuk jawatan ini telahpun dibuat dan kebanyakan daripada mereka yang menyandang jawatan ini adalah dalam kalangan mereka yang hanya mengikuti kursus ini. Kursus Pengurusan Asas tersebut meliputi pendedahan tentang aspek pengurusan Pusat Sumber Sekolah, pengurusan kewangan Pusat Sumber Sekolah, Proses Teknik Bahan Buku dan Bukan Buku, Pengkatalogan dan Aktiviti Pusat Sumber. Pendedahan secara khusus tentang Literasi Maklumat tidak diberikan kerana fokus adalah untuk mengurus dan mentadbir Pusat Sumber Sekolah.

Di samping itu, pihak Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) merancang untuk menubuhkan program Pusat Akses di semua sekolah di seluruh Malaysia dalam Rancangan Malaysia ke 9 (tahun 2006-2010). Konsep Pusat Akses di sekolah ini wujud selaras dengan pembestarian sekolah. Pusat Akses di sekolah ini bertujuan untuk meningkatkan masa berinteraksi antara murid dengan komputer, meningkatkan kemahiran murid menggunakan komputer, menurunkan nisbah murid dengan komputer kepada 20:1 berbanding dengan nisbah murid dengan komputer pada masa sekarang iaitu 30:1, menjimatkan kos berbanding dengan sekiranya komputer diletakkan di dalam

bilik darjah dan merapatkan jurang digital antara sekolah bandar dengan sekolah luar bandar. Pusat Akses di sekolah ini diharap dapat membolehkan pelajar melaksanakan pembelajaran kadar sendiri, terarah sendiri dan akses sendiri dengan lebih berkesan. Pusat Akses ini juga akan melibatkan PSS dan pihak sekolah akan dibekalkan dengan kemudahan komputer dan akses Internet mengikut jumlah murid.

Penyelidik berpendapat semua perancangan masa depan untuk penggunaan komputer di sekolah memerlukan GPM yang arif tentang Literasi Maklumat. Oleh itu mereka memerlukan satu pendedahan dan latihan yang terancang khususnya mengenai bidang ini. Mereka juga perlu didedahkan dengan Kemahiran Perpustakaan, Kemahiran Membaca, Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif, Kemahiran ICT, Kemahiran Belajar dan Kemahiran Komunikasi. Pada masa sekarang, tiada panduan dan modul khusus mengenai Literasi Maklumat yang boleh diikuti oleh guru atau murid dalam melaksanakan Literasi Maklumat di peringkat sekolah. Bahagian Teknologi Pendidikan telahpun menerbitkan sukatan dan huraian mengenai Kemahiran Maklumat tetapi sukatan ini lebih berfokus kepada sekolah rendah dan terdapat hanya satu komponen yang diagihkan untuk Literasi Maklumat. Pada masa sekarang tidak ada lagi satu modul pengajaran Literasi Maklumat yang terancang yang boleh dijadikan panduan untuk guru dan murid-murid di sekolah menengah.

Menurut Alimudin (2006), untuk melahirkan pelajar yang berketerampilan, perlu ada satu cara pendedahan tentang kemahiran seperti Kemahiran Pengurusan Kendiri, Kemahiran Mendengar, Mengambil Bahagian dan Mengambil Nota dan Kemahiran Membaca diberikan kepada pelajar kerana hasil dari pemantauan dan pemeriksaan terhadap guru-guru di bilik-bilik darjah didapati wujud keadaan ketidakseimbangan; iaitu guru mengajar dengan bersungguh-sungguh tetapi pada masa yang sama pembelajaran pelajar adalah sebaliknya. Dari aspek Kemahiran Mendengar pula menurut

beliau lagi, pelajar akan lupa separuh daripada maklumat yang diterima selepas 55 minit dan selepas seminggu sebanyak 17% sahaja dapat diingat. Begitu juga dalam aspek Kemahiran Mengambil Bahagian, ramai pelajar tidak mengambil peluang ini kerana mereka sering rasa malu dan takut. Permasalahan ini akan menyulitkan guru apabila guru terpaksa berdepan dengan pelbagai karenah pelajar (Alimudin, 2006). Oleh itu pendekatan Literasi Maklumat merangkumi semua aspek yang disebut tadi dan fokus pendidikan kini tidak hanya tertumpu pada peperiksaan semata-mata tetapi usaha kerajaan untuk menghasilkan modal insan yang gemilang selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Memandangkan kemudahan infrastruktur (makmal komputer, komputer, komputer riba, talian jalur lebar, pencetak, pelayan) telah sedia ada dan perancangan masa depan telah dan akan menelan belanja jutaan ringgit, pembaziran akan berlaku sekiranya guru dan pelajar tidak mampu memanfaatkan peralatan dan infrastruktur secara efektif. Satu kemahiran bersepadu dan menyeluruh perlu diwujudkan bagi membantu guru dan pelajar mengenal pasti apa yang dimaksudkan dengan mengesan, menilai dan menggunakan maklumat yang diperoleh.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mereka bentuk, membina, mengimplementasikan dan menganalisis satu modul pengajaran berdasarkan model "*The Big6*" oleh Eisenberg dan Berkowitz (1988). Model ini berasaskan enam kemahiran utama yang akan membawa kepada Literasi Maklumat dan digunakan dengan meluas di seluruh dunia. Model ini menekankan kepada penyelesaian masalah maklumat dan pembelajaran berasaskan sumber dan sangat berguna apabila seseorang memerlukan dan mengguna maklumat. Model *The Big6* mengintegrasikan pencarian maklumat dan

menggunakan kemahiran seiring dengan teknologi melalui proses yang sistematik untuk menentu, mencari, mengguna dan menilai maklumat bagi sesuatu tugas yang spesifik. Enam langkah dalam model tersebut meliputi: Definisi Tugas (Menentu), Mencari Maklumat (Mencari), Lokasi dan Akses Maklumat (Memilih), Mengguna Maklumat (Mengguna), Sintesis Maklumat (Merumus) dan Menilai Maklumat (Menilai). Modul pengajaran ini akan diguna pakai oleh GPM dalam usaha membudayakan Literasi Maklumat.

Pembinaan modul ini adalah berasaskan gabungan model reka bentuk Morrison, Ross dan Kemp (2004) dan model Rapid Prototyping Tripp dan Bichelmeyer (1990). Model Morrison et al dipilih kerana ia tidak disusun secara linear mengikut struktur tertentu. Terdapat sembilan elemen utama merangkumi pernyataan masalah, latar belakang pelajar, analisis tugas, susunan kandungan, strategi pengajaran, reka bentuk mesej, pembangunan pengajaran dan penilaian. Model Rapid Prototyping dipilih kerana pembinaan bahan dibuat selepas taksiran keperluan dan mempunyai ciri-ciri penilaian yang berterusan dan iteratif dan ini pada jangka panjang akan menjimatkan masa dan sumber-sumber yang digunakan. Pemilihan, penggunaan dan gabungan model-model ini sebagai model reka bentuk dalam kajian ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab Dua.

Pada akhir kajian ini, satu modul latihan Literasi Maklumat yang mantap akan dibina dan boleh diguna pakai oleh GPM atau sesiapa sahaja yang ingin mengetahui lebih mendalam mengenai Literasi Maklumat. Modul ini akan dapat membantu guru untuk menjalankan aktiviti berasaskan sumber merentas kurikulum. Seterusnya menyediakan GPM sebagai pemangkin kepada satu kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber serta membantu guru mata pelajaran yang lain tentang kepentingan Literasi Maklumat bagi pembelajaran sepanjang hayat.

1.4 Kepentingan Kajian

Pembangunan modul Kemahiran Literasi Maklumat ini mempunyai beberapa kepentingan yang boleh membantu GPM dan memberikan kesedaran kepada Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) khususnya dan BTP amnya untuk memberikan satu latihan yang komprehensif mengenai Literasi Maklumat.

Modul ini juga akan membantu dalam aspek praktikal dan mesra pengguna kerana GPM adalah pengurus dalam aktiviti dan program di peringkat sekolah dan modul ini akan menjadi garis panduan pelaksanaan pengurusan program Literasi Maklumat di peringkat sekolah.

Pembangunan modul ini juga melihat kepada proses yang berterusan dan sentiasa melibatkan aktiviti penambahbaikan pada setiap versi yang dihasilkan supaya diakhir kajian ini nanti akan wujud satu modul Kemahiran Literasi Maklumat yang mantap.

Kaedah reka bentuk dan pembangunan yang diguna pakai dalam kajian ini akan mengembangkan lagi bidang teknologi pendidikan yang melihat kepada proses Pengurusan Sistem Penyampaian dan reka bentuk mesej seperti domain teknologi pengajaran Seels & Richey (1994). Kaedah yang diguna pakai yang melibatkan proses penghasilan modul berlaku secara iterasi seperti model Rapid Prototyping (RP) oleh Tripp dan Bichelmeyer (1990).

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, berikut adalah persoalan-persoalan yang dikaji dan ianya merangkumi tiga komponen utama iaitu aspek model reka bentuk dan pembangunan yang digunakan, pembinaan modul berasaskan model *The Big6*, dan proses latihan kepada GPM itu sendiri. Oleh itu persoalan kajian dilihat dari ketiga-tiga aspek tersebut.

1.6.1 Aspek model reka bentuk dan pembangunan:

Soalan Kajian 1

Apakah perubahan-perubahan pada modul yang dapat menjadi prototaip modul versi lain menjadi lebih efektif, efisien dan menarik melalui aplikasi model instruksi Morrison, Ross dan Kemp (2004)?

1.6.2 Aspek kandungan modul berasaskan *The Big6*:

Soalan Kajian 2

Bagaimana kandungan modul berasaskan *The Big6* diubahsuaikan untuk memenuhi kehendak pengguna dalam kajian?

Soalan Kajian 3

Adakah pendedahan dan latihan konsep *The Big6* dapat menghasilkan prototaip lebih baik lagi?

1.6.3 Aspek proses latihan Kemahiran Literasi Maklumat

Soalan Kajian 4

Apakah keperluan latihan dalam modul literasi maklumat dalam kalangan guru-guru dan GPM?

Soalan Kajian 5

Apakah aspek-aspek literasi maklumat yang perlu ditekankan dalam modul latihan kemahiran literasi maklumat?

Soalan Kajian 6

Adakah analisis tugas dapat membantu GPM menjadi seorang yang berliterasi maklumat?

Soalan Kajian 7


Adakah implementasi dan penilaian prototaip modul akhir dapat mencapai objektif?

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan peserta latihan berterusan yang dilakukan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Pulau Pinang (BTPN) untuk keseluruhan 383 GPM di Pulau Pinang. Daripada 383 orang GPM ini, 114 orang mempunyai ijazah dan mengajar di sekolah menengah dan selebihnya iaitu 265 mengajar di sekolah rendah. Kira-kira 85% daripada 383 GPM ini telah diberikan pendedahan asas pengurusan Pusat Sumber Sekolah melalui kursus 35 jam dan kursus-kursus serta bengkel anjuran BTPN Pulau Pinang atau Pusat Kegiatan Guru (PKG) setempat. Untuk kajian ini, kumpulan 20 GPM yang menghadiri kursus literasi maklumat adalah peserta kajian bagi sesi pertama sehinggalah ke akhir satu pusingan latihan kemahiran Literasi Maklumat dan sekumpulan 20 orang peserta lagi merupakan kumpulan baru yang dilatih menggunakan Modul Versi 3 sebagai instrumen kajian. Pada dasarnya kesemua ahli kumpulan mempunyai kemahiran asas pengurusan Pusat Sumber Sekolah dan mempunyai literasi komputer dan mereka juga dilantik menjadi Jurulatih Utama serta fasilitator bagi kursus Literasi Maklumat di PKG setempat.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini melihat kepada proses reka bentuk dan pembangunan modul pengajaran Literasi Maklumat. Tersirat dalam proses ini adalah penilaian iteratif yang melibatkan latihan yang berterusan untuk melahirkan modul literasi maklumat yang ramah pengguna berasaskan pandangan peserta latihan. Oleh itu kajian ini merangkumi tiga proses penting iaitu (a) penggunaan model reka bentuk dan pembangunan sebagai asas proses pembinaan modul, (b) pembinaan kandungan modul berasaskan model *The Big6* dan (c) proses penilaian iteratif semasa latihan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 dan akhirnya penghasilan sebuah modul Latihan Kemahiran Literasi Maklumat.



Petunjuk:
 Proses Berterusan —————>
 Proses Pengulangan - - - - ->

Rajah 1.1: Kerangka konseptual Modul Latihan Kemahiran Literasi Maklumat Berasaskan Model *The Big6*

1.7 Definisi Istilah

Literasi Maklumat:

Kebolehan seseorang untuk menentu, mencari, mengguna, mengakses maklumat dengan tepat, mencatat, melapor serta menilai maklumat dengan kritikal dan beretika.

Kemahiran Literasi Maklumat:

Kebolehan seseorang untuk menentu, mencari, mengguna, mengakses maklumat dengan tepat, mencatat, melapor serta menilai maklumat dengan kritikal dan beretika serta mempunyai kemahiran dalam mencari maklumat di perpustakaan, berfikir secara kritis dan kreatif, belajar cara belajar (membaca dan mencatat nota), mendapatkan dan melapor maklumat secara verbal dan mahir mendapatkan serta melaporkan maklumat melalui ICT.

Guru Perpustakaan dan Media (GPM):

Guru yang dilantik secara hakiki bagi menjalankan tugas pengurusan dan pentadbiran Pusat Sumber Sekolah dan diberikan 6 – 8 waktu mengajar opsyen mata pelajaran mengikut Pekeliling Bil. 3/2005.

Model The Big6:

Model pembelajaran berasaskan sumber dan penyelesaian masalah yang melalui 6 peringkat iaitu bermula dengan definisi tugas, strategi mencari maklumat, lokasi dan akses, mengguna maklumat, sintesis dan penilaian.

Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN):

Satu organisasi di bawah rangkaian Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) yang berfungsi membudayakan penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran kepada sekolah dan guru-guru melalui latihan dan kursus.

Pusat Kegiatan Guru (PKG):

Satu organisasi di bawah rangkaian Bahagian Teknologi Pendidikan yang berfungsi membudayakan penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi guru-guru dan sekolah setempat. PKG adalah di bawah pentadbiran BTPN.

Kemahiran Maklumat:

Kemahiran yang diperlukan bagi mendapat dan mengolah maklumat secara cekap dan berkesan. Merangkumi kemahiran perpustakaan seperti katalog, indeks, glosari, gazetir, almanak, abstrak.

Kemahiran Membaca:

Satu proses yang kompleks yang menggabungkan pelbagai perlakuan dan pengetahuan berbentuk fizikal dan mental untuk menghasilkan satu wacana tentang sesuatu bahan yang dibaca

Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT):

Kemahiran mengakses maklumat daripada Internet, LAN dan WAN dan mengguna maklumat dalam pelbagai format untuk mencatat dan melaporkan aktiviti dalam komponen Literasi Maklumat.

Kemahiran Belajar:

Mengandungi kemahiran membaca, mendengar, mencatat nota, mengorganisasikan dan menyampaikan maklumat secara betul serta membuat renungan dan rumusan.

Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK):

Proses menggunakan minda sama ada untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, membuat pertimbangan atau keputusan dan menyelesaikan masalah serta kebolehan untuk menilai kemunasabahan sesuatu idea.

Kemahiran Komunikasi -mengumpul dan melapor maklumat secara verbal:

Kemahiran untuk bertanya, menemu ramah, memberi pendapat, berbahas, memberikan ucapan dan menyampai laporan.

Modul Kemahiran Literasi Maklumat:

Sebuah modul yang mengandungi konsep asas Kemahiran Literasi Maklumat iaitu Kemahiran Perpustakaan, Kemahiran Membaca, Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif, Kemahiran Belajar, Kemahiran Komunikasi dan Kemahiran ICT, konsep asas Model *The Big6* dan aktiviti yang berkaitan dengannya serta tatacara pelaksanaan latihan kemahiran Literasi Maklumat untuk kegunaan GPM.

1.8 Rumusan

Sebagai kesimpulan, terdapat banyak sebab mengapa perlunya modul latihan Literasi Maklumat ini diberikan kepada GPM supaya apa sahaja infrastruktur yang telah disediakan digunakan secara optimum. Penggunaan infrastruktur ini memerlukan satu kaedah yang bersistematik dan kemahiran Literasi Maklumat adalah jawapannya kerana

ia mengandungi rangkuman pelbagai kemahiran yang boleh digabungkan merentas kurikulum. Penggunaan Model Kemahiran Literasi Maklumat *The Big6* dan model-model Morrison, et al. Kemp serta RP menjadi panduan yang berguna dalam menghasilkan modul latihan ini.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi tinjauan bacaan yang terperinci berkenaan topik penyelidikan ini. Antara aspek-aspek yang disentuh adalah literatur berkenaan bidang Literasi Maklumat termasuk sejarah dan model-model dalam bidang ini, penerangan Model *The Big6* secara terperinci, dan literatur mengenai kajian model-model reka bentuk pengajaran dan pembangunan bahan yang merupakan tunjang utama kepada proses reka bentuk dan pembangunan bahan pengajaran yang digunakan dalam kajian ini.

2.2 Literasi Maklumat

Cabaran globalisasi telah memberikan kesan yang begitu besar dalam era maklumat. Usaha untuk memberi kesan yang efektif kepada masyarakat terhadap arus dan ledakan maklumat memerlukan warga yang berliterasi maklumat. Seseorang yang berliterasi maklumat adalah orang yang tahu mengakses, mengguna dan menilai maklumat yang berkesan dalam kehidupan seharian mereka. Perkara ini adalah selaras dengan perkembangan teknologi dan komunikasi pada masa kini.

Menurut Faisal (2006), konsep Literasi Maklumat adalah satu set keupayaan seseorang itu menggunakan sumber-sumber maklumat yang berkualiti untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Menurut beliau lagi, set keupayaan itu adalah untuk mengenal pasti maklumat, mencari maklumat, mengesan maklumat, menilai dan menggunakan maklumat. Individu yang berliterasi maklumat bermakna ia mempunyai semua kemahiran yang diperlukan untuk meneroka ilmu pengetahuan secara bebas, sendiri dan aktif. Literasi Maklumat menjadi asas kepada pembelajaran sepanjang hayat.

Pernyataan ini selaras dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh *Australian and New Zealand Information Literacy Framework* (2004) yang menyatakan Literasi Maklumat adalah pemangkin kepada pembelajaran sendiri seterusnya pembelajaran sepanjang hayat. Selanjutnya *Australian and New Zealand Information Literacy Framework* (2004) memanjangkan lagi pernyataan mengenai pendidikan Literasi Maklumat yang boleh memberi peluang kepada pelajar untuk pembelajaran terarah sendiri dan pembelajaran sendiri iaitu pelajar akan menggunakan maklumat yang luas untuk menambah pengefahuan mereka, membina pengetahuan, bertanya soalan dan menajamkan kemahiran berfikir.

Nor Edzan (2006) pula menyatakan bahawa Literasi Maklumat adalah kebolehan mengenal pasti bila maklumat diperlukan dan mengesan, menilai, mengguna secara efektif dan melaporkan (berkomunikasi) maklumat yang didapati. Menurut beliau lagi, Literasi Maklumat berbeza dengan literasi komputer. Hal ini kerana Literasi Maklumat sering disalah ertikan dengan Literasi Komputer, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Kemahiran Perpustakaan (BTP, 2005; Mona Masood, 2006; *National Library of New Zealand*, 2002; Nor Edzan 2006). Salah anggapan dan tafsiran berlaku kerana tiada satu indikator secara fizikal menunjukkan bahawa seseorang itu berliterasi maklumat atau tidak (Norma Abu Seman, 2006).

Sungguhpun begitu, Literasi Maklumat telah menjadi agenda di seluruh dunia dalam era maklumat, masyarakat sekeliling adalah masyarakat yang bermaklumat. Modal insan telah beralih ke pekerja berpengetahuan (*k-worker*) dan bekerja dalam ekonomi berasaskan ilmu (*k-economy*). Oleh itu perlu satu cara yang komprehensif untuk memberi pendedahan dan kesedaran tentang Literasi Maklumat supaya masyarakat sedar akan konsep Literasi Maklumat dan kepentingannya dalam kehidupan seharian.

2.3 Sejarah Literasi Maklumat

Istilah Literasi Maklumat mula diperkenalkan oleh Paul Zurkowski, Presiden Information Industry Association, Amerika Syarikat pada tahun 1974. Pada masa itu, Zurkowski (1974) berkata dalam jangka masa 20 tahun akan datang Amerika Syarikat harus mempunyai sumber tenaga manusia yang berliterasi maklumat. Dalam era maklumat atau *Post Industrial Age*, maklumat dilihat sebagai sumber yang sangat penting, sebagai komoditi yang memberi kuasa untuk manusia berdaya saing. Maklumat dilihat mampu mencorakkan masyarakat, ekonomi dan kehidupan berasaskan pengetahuan.

Kemunculan Literasi Maklumat dalam arus maklumat menyebabkan American Library Association (ALA) mengeluarkan definisi dan polisi mengenai Literasi Maklumat. Negara-negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan Eropah telah mendokumentasikan dasar dan polisi Literasi Maklumat. Dapatan kajian oleh *Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills* (1990) menyatakan keperluan kemahiran Literasi Maklumat di kalangan rakyat Amerika Syarikat demi untuk menguasai ekonomi dunia. Di Eropah, *European Organization for Economic Cooperation and Development* (OEAD) (1996), *MEYER Report* (1992) dan Candy, Crebert, dan O'Leary (1994) di Australia juga menyarankan perkara yang sama dan mengorak langkah menjadikan Literasi Maklumat sebagai salah satu agenda pendidikan dan latihan di negara masing-masing.

Inisiatif Literasi Maklumat di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan Eropah disusun dan didokumentasi dengan jelas, begitu juga dengan Canada, China, Jepun, Mexico, Namibia, New Zealand dan Afrika Selatan (Edzan & Mohd Shariff, 2005). Bagi negara-negara di Asia, terdapat juga inisiatif memperkenalkan Literasi Maklumat tetapi digabungjalinkan dalam kemahiran perpustakaan. Universiti Brunei

Darulsalam dengan Perpustakaan Brunei Darulsalam telah mengadakan kerjasama bagi persidangan Literasi Maklumat yang pertama di Asia Tenggara pada Oktober 2004.

Kerjasama antarabangsa juga banyak memainkan peranan dalam usaha mewujudkan masyarakat yang berliterasi maklumat. *International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)* bersama UNESCO dalam satu mesyuarat di Boston, Amerika Syarikat, pada tahun 2001 telah bersetuju mempromosi Literasi Maklumat sebagai asas kepada pembelajaran sepanjang hayat ke seluruh dunia (Edzan & Mohd Shariff, 2005). Berikutan dengan itu, *The Prague Declaration: Towards an Information Literate Society*, September 2003 telah menegaskan mengenai kepentingan Literasi Maklumat dan peranannya dalam masyarakat .

Di Malaysia, Literasi Maklumat muncul seiring dengan Literasi Komputer. Dapatan kajian oleh pasukan INFOLIT dari Universiti Cape Town pada tahun 1998 mendapati pihak berkuasa di Malaysia mahu memastikan semua lepasan institusi pengajian tinggi adalah berliterasi teknologi (IT) selaras dengan melahirkan pekerja yang berpengetahuan, berkualiti dengan teknologi maklumat sebagai penggeraknya. Tengku Mohd. Azzam Shariffadeen (1997), President Institut Sistem Microelectronic Malaysia (MIMOS) pada masa itu dalam satu wawancara mengenai masyarakat yang berliterasi Maklumat menegaskan masyarakat yang berliterasi IT mesti mempunyai pengetahuan dalam Literasi Maklumat supaya mereka dapat mengenal pasti, mengguna dan menilai maklumat dengan berkesan.

Pelbagai usaha telah dijalankan di bawah payung Perpustakaan Negara Malaysia dalam usaha membudayakan Literasi Maklumat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Fokus Perpustakaan Negara Malaysia adalah peningkatan dalam bidang membaca selaras dengan objektif 100% boleh membaca menjelang 2010 (Siti Aisah, 2003). Selain itu, Perpustakaan Negara Malaysia juga menjalankan pelbagai aktiviti seperti Polisi

Galakan Membaca dan mempunyai pelan jangka pendek dan panjang mengenai Literasi Maklumat (PNM, 2005).

Bagi sekolah-sekolah di Malaysia, Literasi Maklumat digabungkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah dan menengah. Fatimah Jusoh (2002) telah mengulangi kenyataan Menteri Pelajaran pada masa itu mengenai keperluan galakan membaca dan Literasi Maklumat perlu diberi pendedahan dan latihan terutamanya kepada Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) supaya program latihan dapat diberikan kepada guru-guru setempat. Dalam konsep Sekolah Bestari isu Literasi Maklumat juga diberi penekanan. Chan (2002) menekankan kepentingan Literasi Maklumat dalam pembestarian sekolah dan menterjemahkan Literasi Maklumat sebagai kebolehan mencari, mengguna, berkomunikasi maklumat dari pelbagai sumber. Chan (2002) juga menyatakan bahawa Pusat Sumber Sekolah, Guru Perpustakaan dan Media (GPM) adalah pemangkin ke arah merealisasikan Literasi Maklumat di sekolah. Menurutnya lagi, sebagai permulaan, perlu satu kolaborasi antara guru mata pelajaran dengan GPM untuk memahami Literasi Maklumat dan memindahkannya dalam pengajaran di bilik darjah. Oleh itu Literasi Maklumat perlu menjadi sebahagian daripada pengajaran di bilik darjah dan digabungkan dalam pembestarian sekolah. Salah satu cara yang disarankan adalah melalui Pengajaran Berasaskan Sumber (*Resource Based Learning*). Memandangkan Literasi Maklumat tidak boleh diajar secara bersendirian, Pengajaran Berasaskan Sumber digabungkan bersama mata pelajaran lain.

Sehubungan itu, Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pelajaran telah menjalankan satu kajian mengenai Amalan Literasi Maklumat di sekolah pada tahun 2005 bersama dengan tujuh buah negara di Asia Tenggara di bawah Unit Komunikasi dan Informasi UNESCO Bangkok. Kajian ini bertujuan melihat Amalan Literasi Maklumat dalam kalangan warga pendidik. Dapatan menunjukkan masih ada

lagi ruang yang perlu diperbaiki untuk membudayakan amalan Literasi Maklumat terutamanya dalam pelaksanaan, program latihan, kepimpinan, penilaian dan peranan Pusat Sumber Sekolah (Cheuwattana, Choovong, David, Diljit & Guaysuwan, 2005).

Di peringkat institusi pengajian tinggi, Literasi Maklumat tidak diajar secara tersendiri tetapi digabungkan dengan mata pelajaran lain. Kim (1988) telah meneroka peranan Literasi Maklumat dan pendidikan literasi. *Basic Education Research Unit (BERU)* yang bertempat di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1996 telah mengadakan program Literasi Maklumat melalui “InfoLit-Telelearning”. Kebanyakan universiti mengadakan program Literasi Maklumat melalui perpustakaan masing-masing semasa sesi orientasi pelajar baru, program Literasi Maklumat kepada pelajar tahun akhir, program khas seperti pangkalan data dan pencarian maklumat melalui Internet serta kemahiran Literasi Maklumat sebagai subjek kredit atau elektif (Edzan & Mohd Shariff, 2005).

Sungguhpun begitu, minat terhadap Literasi Maklumat telah wujud dalam kalangan warga pendidik di institusi pengajian tinggi. Menurut Edzan (2005), perbincangan mengenai Literasi Maklumat dan kepelbagaian inisiatif telah ditulis oleh Juhana (2000), Mohd Sharif dan Zainab (2002), Yushiana (2003), Chan Sai Noi (2003), Edzan (2004), Maimunah dan Mohd Sharif (2004) dan Mohd Shariff dan Edzan (2005).

Kesimpulannya, kewujudan Literasi Maklumat bukanlah satu perkara baru di Malaysia. Bengkel dan Persidangan Antarabangsa Literasi Maklumat anjuran bersama Universiti Teknologi Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Persatuan Perpustakaan Malaysia, IFLA, UNESCO dan BTP yang telah diadakan pada bulan Jun 2006 telah menampakkan impak yang positif ke arah melahirkan masyarakat yang berliterasi maklumat. Dalam resolusi persidangan tersebut, Norma Abu Seman, Pengerusi Persidangan telah menegaskan mengenai perlunya kerjasama daripada semua peringkat

dalam membudayakan Literasi Maklumat dalam usaha melahirkan masyarakat yang berpengetahuan.

2.4 Definisi Literasi Maklumat

Terdapat banyak definisi yang telah digunakan untuk konsep Literasi Maklumat. Namun begitu terdapat dua dimensi utama dalam definisi Literasi Maklumat yang merujuk kepada kemahiran dalam Literasi Maklumat itu sendiri atau takrifan mengenai seorang yang berliterasi maklumat.

Doyle (1992) merupakan salah seorang tokoh utama yang mentakrifkan Literasi Maklumat dari segi ciri-ciri individu yang memiliki kemahiran maklumat (celik maklumat) dan merangkumi perkara-perkara seperti mengenal keperluan untuk maklumat, mengenal bahawa maklumat yang betul dan penuh adalah asas untuk membuat keputusan yang bijak, mengenal pasti sumber maklumat yang berpotensi, membina strategi pencarian yang berjaya, berakses kepada sumber maklumat termasuk yang berasaskan komputer dan teknologi, menilai maklumat, mengurus maklumat untuk aplikasi secara praktikal, menggabungkan maklumat baru ke dalam maklumat sedia ada dan menggunakan maklumat dalam pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah.

Lenox dan Walker (1995) mendefinisikan literasi maklumat dari segi menyatakan ciri-ciri individu celik maklumat sebagai seorang yang mempunyai kemahiran menganalisis secara kritikal soalan kajian dan menilai keputusan serta mempunyai kemahiran mencari dan mengakses pelbagai bentuk maklumat untuk memenuhi keperluan pencarian maklumat yang diperlukan. Manakala American Library Association (2000) telah mendefinisikan Literasi Maklumat dari sudut seorang yang berliterasi maklumat adalah individu yang boleh mengenal pasti keperluan maklumat, mengakses keperluan maklumat secara berkesan dan efektif, menilai maklumat dan

sumber secara kritikal, menggabung jalin maklumat yang dipilih, mengguna maklumat bagi mencapai matlamat tertentu dan memahami penggunaan maklumat dari sudut ekonomi, perundangan dan isu sosial secara beretika. UNESCO (2002) telah mendefinisikan Literasi Maklumat sebagai kebolehan mengenal bila dan di mana maklumat diperlukan, menentu dan memilih maklumat secara kritikal serta mengguna maklumat secara beretika dan melaporkan maklumat secara berkesan. Walau bagaimanapun pada tahun 2004, semasa Bengkel Pembangunan Literasi Maklumat melalui Pusat Sumber Sekolah Asia Tenggara, Bangkok, UNESCO dan peserta bengkel tersebut telah membuat satu ketetapan dan memberi dimensi baru kepada definisi Literasi Maklumat iaitu:

... the ability to recognize when information is needed, to identify the needed information, identify the sources, to locate and access information efficiently and effectively, to evaluate information critically, to organise and integrate information into existing knowledge, to use information ethically and legally, to communicate information, and carry out all the above activities effectively" (m.s. 10).

Definisi ini dipersetujui dan boleh diterima pakai di negara-negara di Asia Tenggara dan setiap negara boleh membuat terjemahan mengikut keperluan negara masing-masing. Menurut US National Commission on Library and Information Science (2003), Literasi Maklumat meliputi pengetahuan terhadap keperluan maklumat kepada individu, kebolehan untuk mengenal pasti, menilai, menyusun dan membina secara efektif, mengguna maklumat dan berkomunikasi untuk menangani masalah yang dihadapi.

Definisi yang dikemukakan oleh Webber dan Johnston (2003) pula melihat Literasi Maklumat sebagai pemilihan tingkah laku untuk memperoleh maklumat yang